KEMALANGAN: 95 PERATUS KERANA LALAI

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Rabu — Hampir 95.28 peratus dari sejumlah 58,766 kemalangan jalan raya di Semenanjung Malaysia tahun lalu berpunca dari kelalalan dan kesalahan pemandu-pemandu kenderaan sendiri, demikian Dewan Rakyat diberitahu.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abu Hassan Haji Omar memberitahu Datin Paduka Zaleha Ismail (BN-Tanjung Karang) semasa soal-jawab, antara kesalahan yang kerap dilakukan oleh para pemandu termasuk memandu dengan cuai dan tidak bertimbang rasa terhadap para pengguna jalan raya yang lain.

"Ini merupakan kira-kira 33 peratus daripada semua kesalahan dan memandu terlalu laju dan bahaya pula kira-kira 19 peratus," jelasnya.

Kementerian Pengangkutan, tambahnya, sentiasa berusaha untuk mengambil langkah-langkah perlu bagi mengurangkan kadar kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya.

"Bagi mengatasi masalah tersebut, Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia di kementerian saya merancang dan melaksanakan kegiatan-kegiatan pelajaran keselamatan jalan raya dalam usaha menamkan sikap tanggungjawab terhadap semua pengguna jalan raya sama ada orang dewasa ataupun kanak-kanak sekolah."

"Kempen-kempen keselamatan jalan raya diadakan setiap tahun di mana publisiti mengenai kegiatan-kegiatan dibuat melalui media massa seperti akhbar dan Radio Televisyen Malaysia dengan seluas-luasnya untuk pengetahuan orang ramai.

"Seminar-seminar, majlis-majlis syarahan dan dialog serta mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa majlis diadakan dari masa ke semasa," tambahnya.

Menurutnya, peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan bagi kempen keselamatan jalan raya tahun 1980 ialah $298,000, tahun 1981 $328,900 dan tahun 1982 $260,000.

"Untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan majlis dengan berkesan, kerajaan telah meluluskan empat jawatan baru pegawai keselamatan jalan raya sebagai tambahan kepada yang sedia ada.

"Pegawai-pegawai ini akan menjalankan tugas-tugas keselamatan jalan raya di negeri-negeri supaya kegiatan-kegiatan yang dirancangkan di peringkat kebangsaan akan dapat diperluaskan kepada semua pengguna jalan raya di seluruh negara," katanya.

Kursus

Selain itu, tambah Datuk Abu Hassan, latihan-latihan dan kursus-kursus lanjutan kepada pengajar-pengajar sekolah memandu dan pemandu-pemandu kenderaan berat juga dijalankan dengan tujuan meninggikan taraf pemanduan mereka.

"Adalah diharapkan usaha-usaha ini dapat digiatkan apabila penubuhan Institut Pengangkutan Jalan yang sedang dirancang oleh Jabatan Pengangkutan Jalan terlaksana kelak.

"Langkah-langkah tindakan penguatkuasaan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan polis juga diperluas dan digiatkan dari masa ke semasa bagi menentukan bahawa peraturan-peraturan jalan raya dipatuhi oleh pengguna-pengguna jalan raya," katanya.

Menjawab soalan tambahan Encik Shamsuri Mohd. Salleh (BN-Balik Pulau), Datuk Abu Hassan berkata, kerajaan sedang menimbang untuk menambah jumlah denda terhadap sesuatu kesalahan jalan raya bila pindaan dibuat terhadap Ordinan Lalulintas 1958 kelak.

2.3 juta diterima jadi rakyat M'sia

KUALA LUMPUR, Rabu — Hanya 19,709 permohonan kerakyatan yang belum diluluskan berbanding hampir 2.3 juta yang telah diluluskan sejak negara mencapai kemerdekaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Mohd. Kasim Ahmad memberitahu Dewan Rakyat, bilangan yang belum diluluskan termasuk yang sedang dipertimbangkan terlalu kecil, iaitu 0.83 peratus.

Menjawab soalan tambahan Encik Lee Lam Thye (Dap-Kuala Lumpur Bandar) beliau berkata, empat sebab kelewatan proses kelulusan kerakyatan ialah:

- Kelewatan yang tidak disengajakan, biasanya proses tersebut hanya memakan masa dua tahun.
- Pemohon tidak dapat dihubungi kerana pertukaran alamat.
- Kecualian pemohon tidak mengisi borang permohonan dengan betul dan
- Maklumat yang kabur dan kurang jelas.

Menjawab soalan tambahan Encik Lim Kit Siang (Dap-Kota Melaka), Timbalan Menteri berkata, kerajaan akan menyusun tenaga kerja supaya setiap permohonan segera diluluskan dan di samping itu permohonan-permohonan akan diteliti dan diputuskan mengikut tarikh seseorang itu mendaftar.

Menjawab soalan asal Dr. George Chan Hong Nam (BN-Beruas) yang ingin tahu mengapa proses permohonan kerakyatan mengambil masa hingga lima tahun, beliau berkata:

"Saya sedar dan sentiasa mengambil berat atas seharang sungutan tentang kelewatan mendapatkan taraf warganegara."

Kementerian tak akan ubah dasar bahasa

KUALA LUMPUR, Rabu — Kementerian Pelajaran tidak bercadang menukar dasar berhubung dengan penggunaan bahasa pengantar di semua maktab perguruan, demikian Dewan Rakyat diberitahu.

Timbalan Menteri Pelajaran, Dr. Tan Tiong Hong memberitahu anggota BN Tanjung, Dr. Koh Tsu Koon semasa soal jawab, bahasa Malaysia akan tetap menjadi bahasa pengantar bagi semua kursus di maktab perguruan.

Beliau juga menjelaskan, kerajaan berpendapat peruntukan masa bagi kursus Pendidikan Peringkat Awal Kanak-Kanak (Cina) atau PPAK (C) adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan latihan perguruan dan oleh itu tidak perlu ditambah lagi.

"Peruntukan masa pengajian bahasa Cina bagi kursus pendidikan peringkat awal kanak-kanak (Cina), PPAK (C) telah ditambah dalam rancangan latihan perguruan asas tiga tahun, iaitu sebanyak 315 jam berbanding dengan hanya 197 jam dalam rancangan latihan dua tahun dahulu.

"Dari jumlah 315 jam ini, 180 jam diperuntukkan bagi pelajaran bahasa Cina dan 135 jam lagi untuk kaedah mengajar atau pedagogi bahasa Cina.

Peluang

"Peruntukan masa baru ini merupakan pertambahan 60 peratus dari peruntukan masa dalam rancangan latihan dua tahun dahulu," katanya.

Dari segi pelaksanaan, jelasnya, peruntukan masa ini dimasukkan ke dalam jadual waktu minggu kursus tiga tahun iaitu tiga kali seminggu dalam peringkat pertama dan empat kali seminggu dalam peringkat kedua, tiap-tiap peringkat mengandungi 45 minggu.

"Selain dari itu, tambahnya, guru-guru pelatih juga diberi masa enam hingga tujuh jam seminggu untuk belajar sendiri di mana mereka digalakkan mengendalikan aktiviti-aktiviti amali mengenai mata pelajaran pengkhususan mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran itu juga berkata Kementerian Pelajaran membentuk sebuah jawatankuasa khas mengkaji langkah-langkah membesarkan universiti-universiti tempatan di negara ini.

Dr. Tan menjelaskan, kajian itu akan membolehkan lebih ramai penuntut mendapat peluang belajar di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.

Menjawab soalan tambahan ketua pembangkang, Encik Lim Kit Siang di Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata jawatankuasa itu juga akan menentukan kemudahan-kemudahan asas dan jumlah pelajar yang boleh ditambah menerusi proses pembesaran itu.

$4.76 juta bantu petani derita akibat kemarau

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan membelanjakan kira-kira $4.76 juta untuk membantu 26,412 petani Kelantan yang menderita dilanda kemarau.

Timbalan Menteri Pertanian, Encik Luhat Wan berkata, sejumlah $45,819 juga diberi kepada 46,238 keluarga di bawah skim subsidi baja sejak tahun 1979 lalu.

Menjawab soalan Haji Hassan Haji Mohamed (PAS-Rantau Panjang) di Dewan Rakyat, beliau berkata, dua skim bantuan baja dan kemarau itu diberikan kepada sembilan daerah di Kelantan.

Daerah-daerah itu ialah Kota Baharu, Bacuk, Pasir Mas, Pasir Puth, Tumpat, Macang, Tanah Merah, Kuala Kerai dan Hulu Kelantan.

Dari semua daerah itu, Pasir putih menerima bantuan paling banyak iaitu $1.26 juta diikuti daerah Bacuk $971,000, katanya lagi.

Menjawab soalan tambahan dari ahli yang sama yang ingin tahu sama ada penyokong-penyokong PAS juga menerima bantuan itu, beliau berkata:

"Pemberian bantuan bukan berdasarkan parti, tapi kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan itu."

Majlis daerah perlu tegas

KUALA LUMPUR, Rabu — Kewujudan kilang-kilang haram di luar bandar bertambah disebabkan kelemahan dalam penguatkuasaan di majlis-majlis daerah.

Penyokong kerajaan dari (BN-Tanjung Karang), Datin Paduka Zaleha Ismail semasa membahaskan titah diraja berkata, walaupun kilang itu memberi pekerjaan kepada beliawanis, dalam jangka masa panjang lanya tidak mendatangkan faedah.

"Para beliawanis yang diberi pekerjaan itu tidak mendapat jaminan kebajikan baik dari segi gaji, cuti, perubatan dan juga untuk menjadi pekerja-pekerja mahir," jelasnya.

Beliau berharap perkara itu dipandang serius oleh pihak yang berkenaan dan mengambil langkah-langkah yang sepatutnya.

Syor tambah pendapatan peneroka Felda

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan semalam digesa mengadakan peruntukan khas bagi membolehkan peneroka-peneroka Felda membuat kerja-kerja sambilan atau secara skim untuk menambah pendapatan mereka.

Datuk Lee Kim Sai (BN-Hulu Selangor) mencadangkan perkara itu memandangkan masalah lebihan tenaga berleluasa, sedangkan luas tanah yang diuntukkan masih sama.

Katanya, antara kerja yang boleh dilakukan ialah dalam bidang ternakan, mengadakan pusat pemasahan tangan, pertukangan perabot ringan dan mengadakan perusahaan kecil berasaskan pertanian seperti membuat baja dari bahan pembuangan kelapa sawit.

Bahasa

Haji Hashim Endut (BN-Hulu Muda) berharap satu penyelidikan dijalankan oleh Mardi atau badan-badan lain terhadap penyakit merah yang berleluasa dan mengurangkan hasil tanaman padi.

Beliau berkata, masalah tanah sawah yang terbiar perlu dipandang berat dan sistem pengaran yang teratur perlu diwujudkan, [illegible] pembiaran Mada 2 di Kedah.

Penyokong kerajaan itu, mengesyorkan supaya kerajaan menetapkan masa rasmi penggunaan Bahasa Kebangsaan di Mahkamah Tinggi untuk memastikan hakim-hakim yang terlibat mengambil inisiatif mempelajari bahasa tersebut.

"Kerajaan boleh menetapkan masa lima tahun bagi membolehkan peguam-peguam tersebut mempelajari Bahasa Kebangsaan dan tidak lagi terlalu bergantung kepada penggunaan Bahasa Inggeris" cadangnya.

Beliau juga berharap kerajaan mengkaji semula pakaian seragam kehakiman agar mereka yang terlibat tidak mengikut sesuka hati untuk memakai atau tidak pakaian yang telah ditetapkan.

Berjimat

Anggota Bukit Mas, Encik Mutang Tugal mencadangkan supaya Kerajaan Pusat dan Negeri memberi perhatian untuk menjadikan kawasan tanah tinggi sebagai pusat pertanian.

"Dalam masa jangka panjang, kawasan tanah tinggi ini boleh dijadikan tempat penghasilan pertanian yang bermutu, ini ditambah jika masalah perhubungan dapat diselesaikan," tambahnya.

Beliau juga berharap bank dan institusi kewangan diwujudkan di luar bandar bagi memudahkan Bumiputera menjalankan perniagaan, perusahaan dan perindustrian.

"Semua langkah ini adalah perlu untuk membasmi kemiskinan dan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB)," jelasnya.

Encik Khadri Sabran (BN-Tenggaroh) pula mencadangkan supaya rakyat mengikut jejak langkah berjimat-cermat kerajaan dan tidak membazirkan wang terutama membeli-belah di negara jiran bagi menjimatkan pertukaran wang asing.

Sehubungan ini, beliau mencadangkan supaya kerajaan mengenakan "sekatan tertentu" bagi rakyat yang ingin masuk ke negara jiran seperti Singapura dan Thailand.

"Saya suka mencadangkan supaya mereka jangan dibenarkan membawa wang lebih dari $100 untuk membelanjakan mereka tidak menghabiskan wang untuk membeli-belah," katanya.

Anggota (BN Hulu Rajang), Encik Jastine Jiinggut ketika membahas usul tersebut menggesa kerajaan supaya menyediakan lebih banyak projek pembangunan bagi kawasan pilihanrayanya dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat (RME).

"Menurutnya, kawasan pilihanrayanya merupakan kawasan pedalaman yang masih memerlukan banyak projek pembangunan terutama kemudahan asas.

Anggota DAP Kuala Lumpur Bandar, Encik Lee Lam Thye pula menggesa kerajaan menarik balik larangan yang dikenakan ke atas tarian singa.

Menurutnya, perintah larangan itu adalah tidak adil dan tidak demokratik dan ia hendaklah ditarik balik.

"Kerajaan hendaklah membuktikan bahawa ia bersikap liberal dan toleransi mengenai hak kebudayaan dan adat tradisi semua kaum di negara ini," jelasnya.

Amaran akhir pada Karpal Singh

KUALA LUMPUR, Rabu — Ahli pembangkang DAP dari Jelutung, Encik Karpal Singh, hari ini diberi amaran terakhir oleh Timbalan Yang Dipertua Dewan, Datuk Dr. Hee Tien Lai supaya tidak lagi membuat kecoh ketika Dewan sedang bersidang.

Beliau juga diberi amaran supaya tidak mengeluarkan kata-kata kesat dan membuat tuduhan melulu.

Amaran ini berikutan 'campur tangan' beliau sewaktu Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-Kemudahan Awam, Datuk Samy Vellu sedang menggulung perbahasan ucapan terima kasih titah diraja.

Sebahagian besar ucapannya berkisar mengenai pembelian sekeping tanah dekat pinggir ibu kota.

Bagaimanapun, Datuk Samy Vellu menangkis tuduhan dan dakwaan itu sambil menegaskan pembelian itu adalah sah.

Dalam satu ketika, ketika ucapan gulungnya, Datuk Samy Vellu juga menggamatkan Dewan dengan meminta air minum, mensifatkan dirinya sebagai 'singa' dan membuat cabaran-cabaran kepada Encik Karpal Singh.

'Pukat kengka 2 bot' tidak haram

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan tidak bercadang mengharamkan penggunaan 'pukat kengka dua bot' tetapi peraturan perikanan mengharamkan penggunaan pukat Apollo (pukat tunda dua bot).

Menteri Pertanian Datuk Abdul Manan Othman dalam jawapan bertulis kepada pertanyaan Encik Abdul Rahman Sulaiman (Parit Buntar — BN) menjelaskan pukat Apollo membinasakan sumber-sumber perikanan.

Ini, katanya, adalah kerana pukat jenis tersebut menangkap anak-anak ikan, udang serta sotong dan akibatnya amat buruk dalam jangka masa panjang.

Beliau menambah, kerajaan pada dasarnya lebih mementingkan kedaan nelayan tempatan dan mengelakkan berlakunya pergaduhan di antara nelayan tempatan dan nelayan mendatang.

"Dengan itu beberapa langkah telah diambil bagi menentukan kepentingan nelayan tempatan terjamin dan pergaduhan tidak berlaku," jelasnya.

- Nelayan-nelayan dibenarkan menangkap ikan di kawasan perairan melebihi 12 batu dari pantai di mana-mana negeri di seluruh Semenanjung Malaysia. Sekatan hanya dibuat kepada nelayan Pantai Barat yang tidak dibenarkan menangkap ikan di Pantai Timur dan sebaliknya.
- Di perairan kurang dari 12 batu, nelayan-nelayan dibenarkan menangkap ikan di antara satu negeri ke satu negeri yang lain jika tiada sebarang bantahan dari nelayan tempatan.

20,000 ta gula dijangka dikeluar

KUALA LUMPUR, R — Syarikat Gula Pac Terap Berhad yang ambillalih oleh kera pada 28 Februari lal jangka mengeluar hasil melebihi 20,000 metrik tahun depan.

Menteri Kewan Tengku Razale Hamzah berka syarikat itu ha mengeluarkan 9,700 metrik tahun lalu 10,400 tan metrik ta ini.

Beliau berkata d kian dalam jawa bertulis soalan De Haji Abu Bakar U (PAS-Kota Setar) y ingin tahu kedudu syarikat itu.

Menurut Ten Razaleigh lagi, kera tidak bercada mentup syarikat memandangkan pres yang baik dan kedudu kewangan yang de diperkuhukan.

Katanya, kerajaan sat memberi pinjar berjumlah $40 j kepada Kerajaan Ne Kedah untuk kegun syarikat tersebut